

Sistem penyampaian Mara akan dirombak

Birokrasi jejas usaha perkasakan usahawan

B.M 12/10/08 MIS 15

Oleh Mohamed Farid Noh
mfarid@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan merombak dan menyusun semula sistem penyampaian Majlis Amanah Rakyat (Mara) berikutan kegagalan membantu serta memperkasakan golongan Bumiputera dalam bidang keusahawanan.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Noh Omar, berkata antara kelemahan sistem penyampaian Mara termasuk kerenah kelulusan pinjaman perniagaan serta tempoh kelulusan yang terlalu lama.

Katanya, pengurusan Mara akan dipanggil minggu depan dan beliau secara peribadi akan memantau dan meneliti semula prosedur pinjaman dan kelulusan pinjaman perniagaan Mara.

"Selepas lapan bulan menerajui Kementerian ini, saya dapati Mara sukar berubah walaupun sudah diberi beberapa teguran sebelum ini.

"Saya terima banyak aduan daripada orang ramai yang kecewa kerana permohonan mendapatkan bantuan memulakan perniagaan bukan saja menghadapi kerenah birokrasi, malah akhirnya ditolak begitu saja," katanya selepas menghadiri majlis sambutan Aidilfitri Furniture Industry Technology Sdn Bhd (Fitec) di sini, semalam.

Noh berkata, antara kerenah birokrasi yang berlaku ialah permohonan peringkat

daerah dirujuk ke negeri dan pegawai negeri pula merujuk ke ibu pejabat. Apabila permohonan berjumpa pegawai di ibu pejabat, pelbagai alasan diberi seperti mesyuarat belum bermula.

Katanya, keadaan itu tidak sepatutnya berlaku kerana pegawai Mara mesti proaktif dan bukan mengamalkan budaya kerja 20 tahun lalu.

Beliau berkata, Mara mempunyai pelbagai skim bantuan pinjaman dan tiada sebab usahawan Bumiputera terpaksa meminjam daripada ceti haram atau along.

Noh berkata, antara tindakan drastik untuk menghapuskan kerenah birokrasi Mara adalah memberi kuasa kepada Pegawai Mara Daerah membuat keputusan mengenai pinjaman bernilai di bawah RM20,000.

Selain itu, katanya pegawai Mara yang gagal melaksanakan tanggungjawab membantu usahawan Bumiputera akan dikenakan tindakan disiplin, termasuk dihantar surat tunjuk sebab.

“*Selepas lapan bulan menerajui Kementerian ini, saya dapati Mara sukar berubah walaupun sudah diberi beberapa teguran sebelum ini*”

Noh Omar
Menteri Pembangunan
Usahawan dan Koperasi